



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

“KERATAN AKHBAR KESUMA”

SABTU
09 Ogos 2025



lokal

APAD SIASAT DAKWAAN TULAR

*Tangani tegas isu agihan
tempahan dikatakan tidak
adil dalam e-hailing*

Oleh Redzuan
Muharam
redzuan.muham@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) memandang serius isu tular berkaitan amalan berunsur diskriminasi berasaskan bahasa dalam sistem agihan tempahan sebuah aplikasi perkhidmatan e-hailing yang didakwa tidak memberikan agihan secara adil dan saksama kepada semua pemandu.

APAD dalam satu kenyataan media semalam, memaklumkan perkhidmatan e-hailing wajib mematuhi syarat penyelesaian dan syarat khas di bawah Perkara 9, Keperluan Tahap Perkhidmatan (KTP) Lesen Perniagaan Pengantaraan (LPP) Syarat Khas (Bahagian III - Operasi). Kenderaan e-Hailing yang menuntut pemegang memastikan sistem agihan tempahan

yang ditetapkan adalah adil dan saksama kepada semua pemandu.

Kenyataan itu turut memaklumkan sebarang pelanggaran terhadap syarat-syarat berkenaan adalah satu kesalahan yang boleh dikenakan tindakan di bawah Seksyen 12A(9), Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 [Akta 715].

"Sekiranya disabitkan kesalahan, pihak terlibat boleh didenda tidak kurang RM1,000 tetapi tidak lebih RM200,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua (2) tahun atau kedua-duanya," menurut kenyataan itu.

APAD memaklumkan agensi itu akan terus memastikan kesinambungan industri perkhidmatan e-hailing sebagai perkhidmatan pengangkutan awam yang adil, telus dan inklusif serta bebas dari sebarang unsur diskriminasi terhadap semua pihak berkepentingan.



MENTERI Sumber Manusia, Steven Sim Chee Keong berucap ketika Majlis Sembang Santai Teh Tarik Industri GIG di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur. Turut hadir Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi. - Gambar NSTP/MOHAMAD SHAHRIL BADRI SALLI

RUU pekerja gig dibentang 14 Ogos

Kuala Lumpur: Rang Undang-Undang (RUU) Pekerja Gig bakal menjadikan Malaysia sebagai negara ke-16 di dunia yang mempunyai undang-undang khas untuk melindungi pekerja sektor gig.

Menteri Sumber Manusia, Steven Sim Chee Keong berkata, RUU berkenaan yang bakal dibentangkan di Dewan Rakyat pada Khamis depan dibangunkan berasaskan penanda aras 15 negara yang memiliki undang-undang sama.

"Kita buat perbandingan antara 15 negara dengan memberi perhatian lebih

kepada Singapura dan Filipina sebagai negara jiran, Amerika kerana status ekonomi maju dan India kerana undang-undangnya hampir sama dengan kita.

"Apabila saya pergi ke ILO (Persidangan Regulating for Decent Work (RDW) anjuran Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) di Geneva, Switzerland) pada Jun lalu, memang banyak negara menanti-nantikan versi Malaysia.

"Apabila kita kongsikan versi Malaysia itu, mereka rasa ini versi yang agak komprehensif dan sesuai serta tidak ekstrem, jadi ki-

ta adalah negara yang ke-16 kalau (RUU Pekerja Gig) berjaya diluluskan," katanya pada sesi Sembang Santai Teh Tarik Industri Gig bersama Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Sumber Manusia di World Trade Centre (WTC) di sini, kelmarin.

Turut hadir, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Sementara itu, Steven pada sidang media selepas sesi itu berkata, model caruman perlindungan sosial di bawah Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) akan diperluas daripada

sistem manual sedia ada kepada struktur yang lebih mesra pekerja.

Katanya, pada masa ini pekerja perlu membuat bayaran terlebih dahulu sebelum layak menerima perlindungan sekali gus menyukarkan pencaruman.

"Salah satu sebab kadar caruman atau penyertaan agak rendah walaupun ia diwajibkan ialah pelbagai kekangan seperti kos dan keperluan membuat caruman secara manual.

"Model sedia ada bersifat prabayar iaitu pekerja perlu bayar dahulu, baru dapat perlindungan," katanya.